



Series $\Psi Y Z X W$



Set-4

Q.P. Code **19**

Roll No.

Candidates must write the Q.P. Code on the title page of the answer-book.

BAHASA MELAYU

Time allowed : 3 hours

Maximum Marks : 80

Masa : 3 Jam

Markah : 80

- Please check that this question paper contains **18** printed pages.
- Q.P. Code given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- Please check that this question paper contains **12** questions.
- **Please write down the serial number of the question in the answer-book before attempting it.**
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** berbentuk pelbagai pilihan (MCQ). Bahagian ini mempunyai 3 soalan, iaitu nombor **1, 2, dan 3**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** merupakan soalan berbentuk penulisan. Bahagian ini mempunyai 2 soalan, soalan **4 dan 5**. Jawab semua pada soalan 4. Soalan 5 terdiri daripada soalan (a) dan (b), anda hanya perlu pilih satu dan jawab.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 6, 7, dan 8** yang mengandungi 20 soalan tatabahasa. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 9, 10, 11, dan 12**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (50 minit), C (40 minit), dan D (40 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **19 muka surat** sahaja.



Bahagian A
(15 Markah)

SOALAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Demam denggi merupakan penyakit bawaan nyamuk Aedes yang menyebabkan virus demam denggi kepada manusia. Kita sering kali alpa dan *memandang enteng* tentang wabak denggi sehingga ada dalam kalangan ahli keluarga kita dijangkiti demam denggi.

Acap kali kita mendengar bahawa pesakit yang mengalami demam denggi bagi kali kedua berdepan dengan risiko kematian. Hal ini demikian kerana antibodi badan mangsa sudah lemah dan tidak mampu melawan serangan virus denggi. Virus ini disebarkan oleh nyamuk aedes betina. Hakikatnya, risiko kematian sentiasa ada pada setiap pesakit demam denggi walaupun kali pertama dijangkiti virus berkenaan.

Demam denggi bermula dengan pesakit mengalami demam panas diikuti dengan simptom-simptom lain seperti sakit kepala, sakit sendi dan sakit pada bahagian belakang mata serta ruam merah di kulit. Apabila platlet darah pesakit demam denggi semakin berkurangan secara berterusan, tekanan darah akan menjadi rendah, denyutan nadi juga semakin laju dan akhirnya berlaku kematian.

Demi memastikan keluarga bebas daripada demam denggi, kita mestilah memastikan keselamatan di dalam rumah. Sebagai contohnya, tingkap dan pintu mestilah ditutup menjelang waktu senja. Selain itu, kita juga boleh menggunakan lingkaran elektrik atau penyerap cecair bagi menghalang serangga seperti nyamuk aedes masuk ke dalam rumah.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Demam Denggi Berisiko Maut”
oleh Nor’Asyikin Mat Hayin, Harian Metro, 6 Januari 2019)

- I. Apakah maksud rangkai kata *memandang enteng*?
- A. mengambil mudah
 - B. membuat senang
 - C. menjadi remeh
 - D. melihat renyah



- II. Mengapakah pesakit yang mengalami demam denggi bagi kali kedua berdepan dengan risiko kematian?
- A. Risiko kematian sentiasa ada bagi setiap pesakit yang diserang virus denggi.
 - B. Pesakit pernah menghidap demam denggi dan simptom-simptom lain.
 - C. Antibodi badan pesakit sudah lemah dan tidak mampu melawan serangan virus denggi.
 - D. Pesakit telah mengalami demam panas yang berpanjangan dan patlet darah pesakit semakin berkurangan.
- III. Berikut merupakan gejala-gejala demam denggi berdasarkan petikan **KECUALI**
- A. ruam merah di kulit
 - B. demam selsema
 - C. sakit kepala
 - D. sakit sendi
- IV. Langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan demam denggi
- A. menggunakan cecair antidenggi
 - B. menutup tingkap dan pintu pada waktu malam
 - C. menggunakan lingkaran elektrik
 - D. memastikan keselamatan di dalam dan di luar rumah
- V. Mesej yang hendak disampaikan dalam petikan di atas ialah
- A. demam denggi boleh membawa maut
 - B. peranan keluarga penting dalam mencegah demam denggi
 - C. kesihatan diri amat penting untuk mengelakkan demam denggi
 - D. mencegah demam denggi lebih baik daripada merawat



SOALAN 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Media massa merupakan alat untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan kepada orang ramai. Media massa merangkumi radio, televisyen, surat khabar, dan yang terkini ialah internet. Kesemua alat media massa ini mempunyai peranan tersendiri dalam usaha untuk membentuk masyarakat bermaklumat.

Melalui media massa, maklumat dan ilmu pengetahuan dapat disebarkan secepat mungkin. Apatah lagi Malaysia juga tidak ketinggalan mengikuti perkembangan teknologi seperti negara maju yang lain selepas memiliki satelit sendiri. Oleh itu, peristiwa semasa seperti peperangan, bencana alam, perkembangan politik, dan bermacam-macam lagi yang berlaku sama ada di dalam mahupun di luar negara dapat disalurkan kepada masyarakat dengan segera.

Selain itu, media massa juga berfungsi sebagai penyampai iklan. Iklan yang disiarkan melalui televisyen, radio, dan surat khabar memudahkan orang ramai mengetahui maklumat tentang sesuatu produk dan perkhidmatan mereka.

Di samping itu, fungsi media massa seperti televisyen pula dapat mengurangkan masalah sosial khususnya dalam kalangan remaja. *Medium* ini digalakkan untuk menyiarkan pelbagai rancangan berinformasi, berunsur pendidikan, mahupun hiburan yang bermanfaat kepada remaja. Selain itu, media massa dapat merapatkan hubungan kekeluargaan. Hal ini dapat dilihat apabila semua ahli keluarga berkumpul di rumah dan bersama-sama menonton televisyen, membaca majalah, dan surat khabar.

Namun begitu, perkembangan media massa dalam menyalurkan maklumat perlu diawasi dan ditapis oleh pihak berkuasa. Hal ini demikian bagi memastikan maklumat yang disampaikan kepada masyarakat tepat dan jujur selain menutup peluang mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan dakwah dan propaganda mereka.

- I. Media massa merupakan alat untuk menyebarkan _____.
- A. maklumat dan propaganda
 - B. maklumat dan pengetahuan
 - C. hiburan dan iklan
 - D. hiburan dan pengetahuan
- II. Perkataan *medium* yang terdapat dalam petikan di atas bermaksud _____.
- A. pengusaha
 - B. proses
 - C. perantara
 - D. perkhidmatan



- III. Antara berikut yang manakah pernyataan yang **TIDAK** benar mengenai media massa?
- A. Media massa merupakan alat untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan kepada orang ramai.
 - B. Malaysia masih lagi ketinggalan dalam perkembangan teknologi maklumat.
 - C. Media massa berfungsi sebagai penyampai iklan.
 - D. Perkembangan media massa dalam menyalurkan maklumat perlu diawasi dan ditapis oleh pihak berkuasa.
- IV. Bagaimanakah media massa dapat menyiarkan maklumat dan peristiwa semasa yang berlaku di dalam dan di luar negara dengan segera?
- A. melalui penggunaan internet
 - B. melalui teknologi satelit
 - C. melalui kecekapan wartawan
 - D. melalui penyiaran iklan
- V. Semua pernyataan yang berikut adalah benar mengenai media massa, **KECUALI**
- A. medium untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan
 - B. dapat mengeratkan hubungan sesama keluarga
 - C. dapat menyebarkan ilmu pengetahuan dan banyak informasi yang berguna
 - D. menjadi alat untuk menyebarkan dakwah dan propaganda



SOALAN 3

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya. **(5 Markah)**

No. 4, Jalan Cenderawasih,
Kampung Megah Raya,
81750 Johor Bahru.

Guru Besar,
Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka Biru,
Jalan Bakawali, Taman Cempaka Biru,
81100 Johor Bahru.

3 JANUARI 2015.

Tuan,
Rayuan Permohonan Tempat di Asrama

1. Saya murid di sekolah ini sejak tahun satu lagi, saya tidak pernah tinggal di asrama. Berhubungan dengan perkara di atas, saya ingin membuat rayuan agar permohonan saya untuk mendapatkan tempat di asrama dipertimbangkan.
2. Untuk pengetahuan tuan, saya amat memerlukan tempat di asrama kerana tempat tinggal saya agak jauh dari sekolah. Saya terpaksa berbasikal dari rumah ke jalan raya untuk menunggu bas awam selama setengah jam. Perjalanan dengan bas ke sekolah pula mengambil masa sejam lamanya.
3. Hal ini bukan sahaja membuang masa, malahan amat memenatkan. Saya tidak dapat menumpukan perhatian ketika guru sedang mengajar di dalam kelas. Apabila pulang ke rumah pula, keadaan yang letih menyebabkan saya tidak dapat menyiapkan kerja sekolah dengan sempurna.
4. Selain itu, saya juga ingin belajar hidup berdikari kerana selama ini saya tidak pernah berjauhan dengan keluarga. Saya berharap agar dapat tinggal di asrama untuk mendisiplinkan diri serta meluaskan pergaulan dengan murid-murid lain. Saya berhasrat untuk mewujudkan kumpulan belajar dengan murid-murid lain bagi meraih kecemerlangan dalam pelajaran.
5. Saya berharap agar pihak tuan memahami masalah saya dan berharap agar permohonan saya dipertimbangkan. Sekian sahaja untuk makluman tuan.

Yang benar,

Daniel Iqbal

(Daniel Iqbal bin Razak)



- I. Apakah tujuan Daniel Iqbal menulis surat di atas?
- A. Untuk memohon sumbangan daripada pihak sekolah.
 - B. Untuk menceritakan masalah yang dihadapi oleh dirinya.
 - C. Untuk membuat rayuan agar ditempatkan di asrama sekolah.
 - D. Untuk mempertimbangkan permohonannya tentang tempat di asrama.
- II. Daniel Iqbal akan tiba di sekolahnya pada pukul 7:15 pagi. Pada pukul berapakah dia keluar dari rumah?
- A. 5:30 pagi
 - B. 5:45 pagi
 - C. 6:00 pagi
 - D. 6:15 pagi
- III. Berikut merupakan kata yang mempunyai maksud yang sama dengan perkataan *meraih*, **KECUALI**
- A. memperoleh
 - B. mendapat
 - C. memenangi
 - D. menolak
- IV. Mengapakah Daniel Iqbal tidak dapat menyiapkan kerja sekolahnya dengan sempurna?
- A. Dia tidak pernah berjauhan dengan keluarga.
 - B. Dia kepenatan kerana menempuh perjalanan yang jauh.
 - C. Dia keletihan kerana melakukan banyak aktiviti di sekolah.
 - D. Dia tidak dapat memberikan perhatian sewaktu guru mengajar.
- V. Semua yang berikut merupakan sebab Daniel Iqbal berhasrat untuk tinggal di asrama, **KECUALI**
- A. jarak dari rumahnya ke sekolah sangat jauh
 - B. bercadang untuk belajar secara berkumpulan
 - C. ingin mendisiplinkan dirinya dan hidup berdikari
 - D. ingin mendapatkan jadual belajar yang telah ditentukan



Bahagian B
(20 Markah)

SOALAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **tentang punca-punca berkurangnya bekalan air bersih di negara kita**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(10 Markah)

Air merupakan sumber yang penting untuk kelestarian dan kelangsungan kehidupan. Negara kita mempunyai lebih daripada 150 batang sungai yang menjadi sumber air mentah utama. Walau bagaimanapun, Malaysia terdedah kepada risiko kekurangan bekalan air jika sumber air tersebut tidak dijaga dan diurus dengan baik.

Peningkatan permintaan air oleh pengguna akibat pertambahan bilangan penduduk menyebabkan berlakunya penyusutan bekalan air. Krisis air juga berlaku disebabkan oleh disebabkan oleh sikap pengguna yang sering menggunakan air secara berlebihan. Keadaan ini berlaku kerana sikap sebahagian rakyat Malaysia yang tidak menghargai air sehingga melakukan pembaziran. Sumber bekalan air negara juga terjejas disebabkan oleh pembangunan yang tidak terancang. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pembalakan dan perancangan bandar tidak diuruskan dengan baik. Sehubungan dengan itu, semua pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif untuk menangani isu pembalakan dan pembangunan yang tidak terancang ini.

Malaysia juga pernah dilanda beberapa episod krisis air. Pada masa itu, kerajaan terpaksa mencatu bekalan air akibat sumber air yang semakin susut. Selain itu, pelepasan sisa toksik daripada aktiviti industri ke sungai-sungai telah menyebabkan air tercemar. Di samping itu, kewujudan tapak pelupusan sampah berhampiran sungai yang menghasilkan air licik telah mencemarkan air sehingga menyebabkan berkurangan sumber bekalan air bersih. Keadaan ini menunjukkan kualiti air sungai semakin merosot.

Selain faktor-faktor di atas, masalah kecurian air juga menjadi salah satu sebab berlakunya krisis air. Sehubungan dengan itu, masa depan dan nasib sumber air negara terletak di tangan kerajaan dan rakyat.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Air semakin berkurangan” oleh Haliza Ab Rahman. Dewan Kosmik, Mei 2013)



SOALAN 5

Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

- (a) Belakangan ini, jualan barangan di kantin sekolah anda semakin merosot. Ramai pelajar tidak gemar berkunjung dan berbelanja di sana.

Tulis sepucuk surat kepada pengetua untuk mencadangkan cara-cara memajukan kantin sekolah anda.

ATAU

- (b) Menabung ialah satu amalan proaktif untuk menjamin masa hadapan seseorang.

Tulis sebuah karangan tentang kepentingan menabung.

**Bahagian C
(20 Markah)**

SOALAN 6

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

- I. menyanyikan / diminta / lagu / Semua / ketika / hadirin / untuk / kebangsaan. / berdiri

- II. kegiatan kokurikulum / Murid / itu turut / yang / dalam / aktif / pelajaran. / berjaya / dalam

- III. kejadian / Sistem pengairan / banjir / kilat. / menjadi / sempurna / punca / tidak / yang / utama



IV. cuaca mendung / ditangguhkan / bola sepak / Keadaan / menyebabkan / perlawanan / hadapan. / telah / ke / minggu

V. pelbagai usaha / mengurangkan / di jalan raya. / Jabatan Pengangkutan Jalan / kadar kemalangan / telah / untuk / melaksanakan

SOALAN 7

Pilih jawapan yang paling tepat.

(10 Markah)

- I. “Lukisan yang _____ sediakan itu tidak menepati syarat-syarat penyertaan,” kata Cikgu Mahmud kepada murid-muridnya.
- A. mereka
 - B. kalian
 - C. engkau
 - D. tuan hanba
- II. _____ bertiga telah diarahkan oleh _____ untuk membersihkan taman mini ini.
- A. Kami...awak
 - B. Mu...beliau
 - C. Beta...dia
 - D. Mereka...beliau
- III. Para peserta perlu mempunyai _____ fizikal dan mental untuk mengikuti ekspedisi mendaki Gunung Semanggol.
- A. ketelusan
 - B. keteguhan
 - C. ketahanan
 - D. kesabaran



- IV. Encik Daud akan mewujudkan _____ di rumahnya untuk memudahkan mereka sekeluarga membaca buku.
- A. perpustakaan mini
 - B. telekung mini
 - C. telekung mini
 - D. pasar mini
- V. Pameran komputer itu dibuka _____ orang ramai.
- A. pada
 - B. dengan
 - C. kepada
 - D. daripada
- VI. Gadis itu akan berusaha _____ berjaya dalam bidang fesyen yang diminatinya itu.
- A. kerana
 - B. hingga
 - C. apabila
 - D. sementara
- VII. Anak-anak harimau yang ditangkap itu berusia antara tiga _____ empat tahun.
- A. dengan
 - B. kepada
 - C. di
 - D. hingga
- VIII. Sheela suka menjahit _____ kakaknya suka mengumpul setem.
- A. tetapi
 - B. dan
 - C. kecuali
 - D. lalu
- IX. Pak Salleh berjalan pulang dari dusun sambil memikul se _____ kayu api.
- A. pucuk
 - B. berkas
 - C. ketul
 - D. keping



- X. Ani seorang yang _____. Oleh sebab itu, dia tidak suka membuang masa.
- A. mulut murai
 - B. ringan tulang
 - C. malu-malu kucing
 - D. patah kandar

SOALAN 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">✓ kera mendapat bunga✓ di mana ada gula, di situ ada semut✓ lepas tangan✓ bagai menatang minyak yang penuh✓ kata putus |
|--|

- I. Jamal bertindak _____ dalam hal itu kerana tidak mahu terlibat lagi dalam kegiatan mereka.
- II. Balai raya yang baru dibina telah dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan peribahasa _____.
- III. Ibu kami menjaga kami dengan penuh kasih sayang, seperti kata pepatah _____.
- IV. Banyak rakyat asing datang ke negara ini kerana terdapat banyak peluang pekerjaan dan keadaan ini diibaratkan _____.
- V. Ayah belum memberikan _____ tentang hasrat kakak yang ingin menceburi bidang perniagaan.



Bahagian D
(25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 9

Baca seloka di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.

(5 Markah)

SYAIR BURUNG NURI

Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna.

Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambah badan miskin dan nista.

Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan.

Ditulis sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cinta,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasanya di dalam nasib dan walang.

Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari.

Bangun terjunun badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ.

Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati.

Mohd Yusuf Md Nor dan Dr. Abd. Rahman
Kaeh (Penyelenggaraan)
Puisi Melayu Tradisi, 1996
Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- I. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam rangkap kedua syair tersebut?
- A. Penyair dipandang hina, pemikiran yang tidak luas, dan hidup dalam kemiskinan.
 - B. Penyair menulis surat untuk meluahkan perasaan cinta kepada seseorang.
 - C. Penyair menceritakan perjalanan hidupnya yang malang.
 - D. Penyair memohon maaf atas coretan kata-katanya yang ditulis dalam perasaan sedih.



- II. Di rangkap berapa penyair menyatakan bahawa kehidupannya tiada hala tuju malah tidak ada makan dan minum?
- A. rangkap 4
 - B. rangkap 5
 - C. rangkap 6
 - D. rangkap 7
- III. Apakah rima akhir bagi puisi ini?
- A. a-a-a-a
 - B. a-b-c-d
 - C. a-b-a-b
 - D. b-b-b-b
- IV. Berikut merupakan cara untuk mengatasi masalah kekecewaan dalam diri, **KECUALI**
- A. melibatkan diri dengan aktiviti yang berfaedah
 - B. sentiasa berfikiran positif
 - C. mengimbas kembali kekecewaan yang pernah dialami
 - D. membulatkan azam dan tekad dalam diri untuk sentiasa pandang ke hadapan
- V. Berikut merupakan nilai-nilai murni yang terdapat dalam puisi di atas.
- I. kesedaran
 - II. kejujuran
 - III. rasional
 - IV. hemah tinggi
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, III, dan IV sahaja



SOALAN 10

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Senja di Palang Besi

Senja mula menangis
remang membongkar sendu
mengutus kuntum-kuntum serakam cahaya
berlari di celah jambangan bunga dedawai
menari mengikat ramah kekosongan
dalam kotak tidur sepi nan pedar hati.

Pilu wajahmu sang senja
yang dulu melakar bahagia
kini merayap sayu membelai jemari malam
dalam keterbuangan yang merangkum
dalam keterasingan yang mencengkam
dalam kesakitan yang membungkam.

Tanpa pasir pantai atau silir angin
rentet susun bibir palang besi dingin itu
menjerut resah berteleku dalam hening
bernyanyi rakus dalam kelu rasa keterkungkongkan
menghantar pergi erti keriuhan
jauh di balik redup senja yang mula mengundurkan diri
bersama riak samudera jiwa bernama kesunyian
hukuman terhebat hikayat kemanusiaan.

PENAALAM

(Dipetik daripada sajak "Senja di Palang Besi", antologi Bintang Tingkatan 3, Kementerian pendidikan Malaysia)

- I. Nyatakan tema yang bersesuaian dengan sajak di atas. (1 markah)
- II. Berikan satu gaya bahasa dan bersertakan contoh yang sesuai berdasarkan sajak di atas. (2 markah)
- III. "Setiap manusia tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan."
Pada pendapat anda, bagaimanakah cara terbaik untuk menebus kesalahan yang telah dilakukan pada masa lampau? (2 markah)



SOALAN 11

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(9 markah)

Maka sehari itu hatta baginda pun sedang ramai dihadap oleh segala raja-raja dan Menteri hulubalang rakyat sekalian menghadap. Maka Betara Angkasa Indera Dewa pun sampailah bersama isterinya ke penghadapan baginda. Setelah dilihat orang banyak ada seorang laki bini datang hendak menghadap baginda itu akan rupa kainnya carik-carik berjurai-jurai seperti ubur-uburlah rupanya. Maka segala mereka pun ramailah ia tertawa serta mengambil kayu dan batu maka dilemparlah Si Miskin itu. Maka kenalah tubuhnya habislah bengkak-bengkak dan berdarah-darah. Segala tubuhnya itu berlumuran dengan darah. Maka orang banyak pun gemparlah.

Maka titah baginda, “Apakah yang digemparkan di luar itu?”

Maka sembah segala raja-raja, “Ya, Tuanku Syah Alam, orang melempari Si Miskin, Tuanku.”

Maka titah baginda,” Suruh usir jauh-jauh.”

Maka diusiri orang. Maka ia pun kembalilah ke tepi hutan. Hatta, maka hari pun malamlah. Maka baginda pun berangkatlah masuk ke dalam istana. Maka segala raja-raja pun masing-masing pulang ke rumahnya.

Adapun akan Si Miskin itu, apabila hari malam maka ia pun diamlah kepada pohon kayu itu membasuhi segala tubuhnya itu. Setelah hari siang maka ia pun berjalan hendak masuk ke dalam negeri mencari rezekinya. Maka apabila sampailah dekat kepada kampung orang, apabila orang yang empunya kampung itu melihat akan diam akan diusirnya dengan kayu. Maka Si Miskin itu pun larilah ia ke pasar. Maka dilihat oleh orang pasar akan Si Miskin itu datang, maka masing-masing melempari dengan batu, dan kayu dibuatnya pelontar. Maka ia pun larilah dan tubuhnya pun habislah bengkak-bengkak berlumuran darah. Ia pun menagis berseru-seru sepanjang jalan dengan sangat laparnya dan dahaga seperti akan matilah rasanya.

(Dipetik daripada prosa tradisional “Bahagia Sesudah Derita” dalam antalogi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- I. Apakah yang dimaksudkan dengan rangkai kata suruh usir jauh-jauh? (3 markah)



II. Berikan dua pengajaran yang terdapat dalam prosa ‘Bahagia Sesudah Derita’.
(3 markah)

III. Pemimpin yang adil akan disanjung, pemimpin yang zalim akan disanggah.
Sekiranya anda ialah Maharaja Indera Dewa, apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil terhadap penduduk yang melemparkan batu kepada pasangan suami isteri yang miskin itu?
(3 markah)

SOALAN 12

Berdasarkan kajian Antologi Bintang Hati, huraikan dua nilai dan satu pengajaran yang terdapat dalam cerpen “*Legasi Tapai Ubi*”.

(6 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT